



1. Apakah i-Gold Personal Account Koop Sahabat?

i-Gold Personal Account (i-GPA) adalah produk akaun emas atas talian yang memberikan kemudahan kepada pelanggan atau anggota koperasi untuk membeli emas berketulenan 999.9 milik KAB Gold yang peruntukkan (*allocated*) untuk dibeli secara pemilikan bersama tanpa perlu menyimpan sendiri emas fizikal tersebut atau bimbang dengan keselamatan emas semasa menyimpannya.

Antara faedah i-GPA adalah seperti berikut :

- a) Pelanggan boleh menikmati harga yang lebih kompetitif berbanding kedai emas biasa.
- b) Harga emas akan dikemaskini setiap hari pada jam 12 tengah malam di www.sahabatgold.my atau jika terdapat kenaikan atau penurunan harga emas di pasaran dunia yang sangat ketara.
- c) Koop Sahabat akan mewakilkan KAB Gold untuk menyimpan emas milik pelanggan secara percuma.
- d) Pelanggan mempunyai pilihan untuk menebus i-GPA dengan emas fizikal dalam bentuk jongkong emas atau dinar dengan denominasi tertentu.
- e) Pelanggan boleh menjual kembali emas di dalam i-GPA atau emas yang telah difizikalkan kepada Koop Sahabat atau KAB Gold pada harga jualan balik seperti yang tertera di aplikasi.

Nota:

- 1) Selepas pelanggan membeli gram emas melalui i-GPA, pelanggan adalah pemilik bagi emas tersebut. Sebagai pemilik, pelanggan mempunyai pilihan untuk sama ada melantik KAB Gold (melalui Koop Sahabat) bagi menguruskan penyimpanan emas tersebut atau pelanggan boleh menebus emas dalam bentuk fizikal melalui proses penebusan yang ditetapkan oleh Koop Sahabat dan menyimpan sendiri emas tersebut.
- 2) Proses penebusan emas fizikal tertakluk kepada bayaran premium mengikut denominasi pilihan pelanggan. Penebusan hanya boleh dilakukan seawal 30 hari selepas belian dilakukan bergantung kepada stok denominasi sedia ada. Jika stok denominasi yang dikehendaki tidak tersedia, pelanggan perlu memaklumkan dan memberi masa minimum 30 hari untuk KAB Gold menyediakan denominasi yang dikehendaki.
- 3) Pelanggan boleh melakukan transaksi jual beli emas melalui aplikasi i-GPA 24 jam sehari.
- 4) Transaksi dan urus niaga yang sah adalah tertakluk kepada harga dan had jualan semasa jongkong emas milik KAB Gold.



2. Apakah Kontrak Syariah yang digunakan oleh i-GPA Koop Sahabat?

Kontrak Syariah yang digunakan untuk i-GPA adalah Bay' al-Sarf dan al-Wakalah.

Bay al-Sarf merujuk kepada jual beli emas dengan wang tunai. Proses akad dan serahan (qabd) mesti berlaku secara serta-merta.

Dalam konteks i-GPA, bentuk serahan (qabd) adalah secara konstruktif (hukmi) iaitu pemilikan emas dikreditkan serta-merta ke dalam akaun pembeli sebaik sahaja bayaran diterima dalam satu sesi jual beli. Pembeli telah mempunyai hak sepenuhnya terhadap emas yang berada di dalam akaunnya.

Al-Wakalah pula merujuk kepada urusan pewakilan. Para pembeli akan mewakilkan kepada pihak KAB Gold (melalui Koop Sahabat) untuk menguruskan simpanan emas sebaik sahaja hak pemilikan berpindah.

3. Apakah yang akan perolehi dari i-GPA Koop Sahabat?

Ciri-ciri	Penerangan
Pelanggan yang disasarkan.	<ul style="list-style-type: none"> 1. Anggota Koop Sahabat. 2. Awam / Bukan Anggota. <ul style="list-style-type: none"> a. Berumur 18 tahun dan ke atas. b. Bawah 18 tahun (akaun bersama ibu/bapa/penjaga). c. Syarikat atau badan berdaftar. d. Pemilikan Tunggal.
Pembelian pertama dan seterusnya.	<ul style="list-style-type: none"> 1. Pembelian mengikut nilai semasa yang telah ditetapkan. 2. Pembelian minimum ialah nilai gram emas 999.9 yang setaraf dengan RM10 (Ringgit Malaysia Sepuluh). 3. Had pembelian maksimum adalah tertakluk kepada baki semasa gram emas milik KAB Gold yang diperuntukkan untuk dijual melalui www.sahabatgold.my.
Ketulenan emas.	Jongkong emas fizikal dengan ketulenan 999.9 yang diuji dan disahkan oleh KL Assay Office (M) Sdn. Bhd.
Mata wang urusniaga.	Ringgit Malaysia ("MYR") sahaja.
Prinsipal emas.	Amaun prinsipal emas yang dibeli dalam Ringgit Malaysia adalah tidak dijamin.
Dividen.	i-GPA tidak memberikan sebarang dividen kepada penyimpan emas.



Keperluan transaksi pembelian.	Pelanggan boleh membeli i-GPA melalui laman sesawang www.sahabatgold.my dengan menggunakan sistem pembayaran atas talian (FPX) melalui mana-mana akaun bank sedia ada milik pelanggan.
Kaedah untuk membuka & menutup akaun, beli, jual, pindahan, penebusan & jual balik emas.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Buka Akaun: Layari halaman pendaftaran di www.sahabatgold.my. 2. Tutup Akaun: Tidak boleh dilakukan. Walaubagaimanapun, pelanggan dibenarkan untuk mengosongkan akaun i-GPA sama ada melalui penebusan emas fizikal atau jual balik. 3. Beli Dan Jual Emas: Layari halaman jual beli i-GPA di www.sahabatgold.my. 4. Pindahan Emas: Tidak boleh dilakukan. 5. Penebusan Emas Fizikal: Hubungi khidmat pelanggan Koop Sahabat/KAB Gold untuk proses penebusan emas fizikal. 6. Jual Balik Emas Fizikal: Hubungi khidmat pelanggan Koop Sahabat atau KAB Gold untuk proses jual balik emas fizikal. Tertakluk kepada harga jual balik (buyback) yang dipaparkan di www.kabgold.my atau www.sahabatgold.my. <p>Nota: KAB Gold (melalui Koop Sahabat) akan memaklumkan dari masa ke masa sekiranya terdapat sebarang perubahan atau pindaan terhadap Standard Operating Procedure (SOP).</p>
Penebusan emas fizikal daripada i-GPA.	<p>Pelanggan mempunyai pilihan untuk menebus gram emas yang berada di dalam i-GPA dengan emas fizikal mengikut denominasi berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> a. 1 gram. b. 5 gram. c. 10 gram. d. 50 gram. e. 100 gram. f. $\frac{1}{2}$ Dinar (2.125 gram). g. 1 Dinar (4.25 gram). h. 5 Dinar (21.25 gram). i. 10 Dinar (42.50 gram). <p>Semua penebusan emas fizikal adalah tertakluk kepada caj premium berdasarkan denominasi pilihan.</p>



<p>Caj Premium.</p>	<p>Caj premium semasa adalah seperti berikut:</p> <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tbody> <tr> <td style="width: 30%;">a. 1 gram:</td><td style="width: 70%;">RM10.00.</td></tr> <tr> <td>b. 5 gram:</td><td>RM10.00.</td></tr> <tr> <td>c. 10 gram:</td><td>RM15.00.</td></tr> <tr> <td>d. 50 gram:</td><td>RM40.00.</td></tr> <tr> <td>e. 100 gram:</td><td>RM70.00.</td></tr> <tr> <td>f. ½ Dinar (2.125 gram):</td><td>RM10.00.</td></tr> <tr> <td>g. 1 Dinar (4.25 gram):</td><td>RM10.00.</td></tr> <tr> <td>h. 5 Dinar (21.25 gram):</td><td>RM20.00.</td></tr> <tr> <td>i. 10 Dinar (42.50 gram):</td><td>RM40.00.</td></tr> </tbody> </table> <p>Nota : Caj premium merujuk kepada fi khas (ujrah) yang dikenakan dalam proses menukar emas dalam i-GPA kepada bentuk fizikal dalam denominasi tertentu. Fi ini meliputi kos pembuatan dan pempakejan denominasi tersebut.</p>	a. 1 gram:	RM10.00.	b. 5 gram:	RM10.00.	c. 10 gram:	RM15.00.	d. 50 gram:	RM40.00.	e. 100 gram:	RM70.00.	f. ½ Dinar (2.125 gram):	RM10.00.	g. 1 Dinar (4.25 gram):	RM10.00.	h. 5 Dinar (21.25 gram):	RM20.00.	i. 10 Dinar (42.50 gram):	RM40.00.
a. 1 gram:	RM10.00.																		
b. 5 gram:	RM10.00.																		
c. 10 gram:	RM15.00.																		
d. 50 gram:	RM40.00.																		
e. 100 gram:	RM70.00.																		
f. ½ Dinar (2.125 gram):	RM10.00.																		
g. 1 Dinar (4.25 gram):	RM10.00.																		
h. 5 Dinar (21.25 gram):	RM20.00.																		
i. 10 Dinar (42.50 gram):	RM40.00.																		
<p>Saluran dan syarat penebusan.</p>	<p>Penebusan emas fizikal boleh dilakukan secara:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menghubungi talian khidmat pelanggan Koop Sahabat di talian 03-6270 1236 / 0132079056 atau whatsapp KAB Gold 0103233341. 2. Hadir sendiri (setelah menghubungi talian khidmat pelanggan) ke: <p style="text-align: center;">Pejabat Urusan KAB Goldynamics Sdn. Bhd. Unit 35-1, KL Traders Square, No. 99, Jalan Gombak, 53000 Kuala Lumpur.</p> <p style="text-align: center;">atau</p> <p style="text-align: center;">Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad Lot 2-3, 2-3A, 2-5 & 1, 5, Jalan Cempaka SD 12/1, Bandar Sri Damansara, 52200 Kuala Lumpur.</p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Sistem penghantaran seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> a. Pos biasa tidak berinsurans. Dengan pilihan ini, pelanggan bersetuju untuk menanggung segala risiko kerosakan dan kehilangan item yang dihantar. b. KABHantar: KAB Gold menjamin setiap penghantaran sampai kepada pelanggan. Kaedah dan kos penghantaran akan ditentukan oleh KAB Gold. Penghantaran tertakluk kepada maksimum 21.25 gram emas bagi setiap bungkusan. 4. Syarat pengeluaran: <ol style="list-style-type: none"> a. Pengeluaran boleh dibuat seawal 30 hari selepas pembelian gram i-GPA. Ini bertujuan memberi masa yang sewajarnya kepada Koop Sahabat untuk menyediakan item emas fizikal dalam bentuk denominasi tertentu. 																		



	<p>b. Pengeluaran adalah tertakluk kepada stok denominasi sedia ada. Walaubagaimanapun, pelanggan digalakkan untuk memaklumkan lebih awal kepada pihak Koop Sahabat atau KAB Gold denominasi pilihan dengan menghubungi khidmat pelanggan Koop Sahabat atau KAB Gold. Sebarang denominasi yang tiada di dalam stok Koop Sahabat atau KAB Gold akan ditempah dan sedia untuk diambil dalam tempoh 30 hari selepas pemberitahuan.</p> <p>c. Membayar caj premium dan kos penghantaran (jika berkenaan).</p>
Jual balik emas fizikal kepada Koop Sahabat atau KAB Gold.	<p>Harga jualan balik adalah tertakluk kepada harga 'buyback' semasa di www.sahabatgold.my atau www.kabgold.my sahaja.</p> <p>KAB Gold (melalui Koop Sahabat) akan membeli emas tersebut daripada pelanggan dan amaun pembelian akan dipindah masuk ke akaun bank pelanggan dalam tempoh 1 hingga 3 hari bekerja.</p> <p>Nota: KAB Gold juga menerima sebarang emas fizikal pelbagai ketulenan. Harga jual balik emas fizikal selain denominasi keluaran KAB Gold adalah tertakluk kepada harga yang ditetapkan oleh KAB Gold.</p>
Harga jualan dan belian emas.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Harga jualan dan belian i-GPA akan dikemaskini setiap hari di www.sahabatgold.my 2. "We Sell" adalah merujuk kepada harga jualan emas i-GPA kepada pelanggan. 3. "We Buy" adalah merujuk kepada harga belian emas i-GPA daripada pelanggan.
Hari perniagaan.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Urusniaga beli dan jual di www.sahabatgold.my adalah 24 jam setiap hari. 2. Waktu operasi Pejabat Urusan Koop Sahabat adalah seperti berikut : Isnin - Jumaat : 9:00 pagi - 5:00 petang. Ahad dan Cuti Umum: Tidak beroperasi. 3. Semua transaksi yang dibuat pada hari selain daripada hari operasi Koop Sahabat akan diproses pada hari bekerja yang berikutnya.
Penyata.	Penyata baki dan transaksi emas bulanan boleh disemak dan dimuat turun di www.sahabatgold.my .
Baki minimum.	Tiada baki minimum ditetapkan untuk akaun kekal aktif. Semua gram emas di dalam akaun i-GPA pelanggan adalah milik pelanggan sepenuhnya. Pelanggan dibenarkan untuk mengosongkan akaun i-GPA sama ada melalui penebusan emas fizikal atau aktiviti jual balik.



Simpanan emas fizikal.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Untuk menyimpan gram emas milik pelanggan, KAB Gold akan bertindak sebagai wakil (wakalah) untuk mengenal pasti, mengatur atau menyediakan peti simpanan keselamatan atau apa sahaja cara yang difikirkan sesuai. 2. Tanggungjawab KAB Gold sebagai wakil adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> a. Memastikan emas milik pelanggan disimpan rapi. b. Menyediakan peti keselamatan untuk menyimpan emas milik pelanggan dengan selamat. c. Menyimpan semua rekod yang berkaitan dengan emas milik pelanggan.
------------------------	--

4. Apakah risiko utama i-GPA?

Risiko pasaran.	Pelbagai faktor akan memberi kesan secara langsung atau tidak langsung kepada harga emas semasa. Antara faktor tersebut adalah, keadaan pasaran, sentimen pelabur dan keyakinan, kadar keuntungan, kadar pertukaran matawang, kadar inflasi, perniagaan dan ekonomi, politik, kewangan, sosial, alam sekitar dan lain-lain kejadian yang berlaku dalam dan luar negara.
Risikoharga.	Harga emas bergantung kepada pergerakan dalam pasaran emas. Nilai rujukan tersebut mungkin berubah. Perubahan harga tersebut boleh memberi kesan negatif kepada kepentingan para pelanggan dan pulangan dalam nilai emas.
Risiko pulangan atau pelaburan.	Para pelanggan boleh terdedah kepada perubahan nilai rujukan emas pasaran dunia antara waktu membeli dan menjual emas tersebut. Prestasi masa lalu bukan penentu pulangan masa depan. Pulangan emas adalah dari kenaikan atas pembelian awal bergantung kepada keadaan pasaran emas dunia dan tempatan yang tidak menentu. Bagaimanapun, pulangan tidak dijamin sementara risiko potensi kerugian adalah tinggi dan besar jika ketika harga emas jatuh.
Risiko simpanan emas di KAB Gold.	Semua urusan simpanan dan keselamatan emas diuruskan oleh KAB Gold sepenuhnya. Jika berlaku sebarang perkara yang tidak diingini, KAB Gold akan menguruskan bagi pihak pelanggan sebarang tuntutan dari segi keselamatan dan pengesahan emas simpanan anda dengan pihak yang terlibat.



5. Dimanakah para pelanggan boleh mendapatkan bantuan dan maklumat lanjut?

Semua pelanggan boleh menghubungi Koop Sahabat atau KAB Gold di alamat dan nombor telefon yang tertera di bawah :

Perkara	Info	
Alamat	Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad, Lot 2-3, 2-3A, 2-5 & 1, 5, Jalan Cempaka SD 12/1, Bandar Sri Damansara, 52200 Kuala Lumpur	KAB Goldynamics Sdn. Bhd. 35-1, KL Traders Square No. 99, Jalan Gombak, Kampung Kuantan 53000 Kuala Lumpur
Waktu operasi	Isnin - Jumaat 9.00 pagi - 5.00 ptg	Isnin - Jumaat 8.30 pagi - 5.30 ptg
No Telefon	03-62701236 / 013-2079056	010 3233 341
Email	sahabatgold@koopsahabat.my	sales@kabgold.my

AMARAN :

PULANGAN EMAS ADALAH DARIPADA KENAIKAN HARGA PEMBELIAN PERMULAAN DAN TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN SEMASA PASARAN EMAS.

PARA PELANGGAN DENGAN INI ADALAH DINASIHATKAN UNTUK MEMPERTIMBANGKAN SEMUA FAKTOR RISIKO YANG BERKAITAN DENGAN i-GPA SEBELUM MELAKUKAN SEBARANG TRANSAKSI JUAL BELI.